

Dewatta Suluh Budiman

PERSATUAN SULUH BUDIMAN mewarisi graduan SITC/MPSI/IPSI/UPSI



BIL 1/ 2002

MESYUARAT AGUNG TERGEMPAR

Persatuan Suluh Budiman akan mengadakan Mesyuarat Agung Tergempar pada 6 Januari 2002 Jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Seri Tanjung Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mesyuarat tersebut adalah untuk meminda perlembagaan dan menukar nama PERSATUAN SULUH BUDIMAN kepada ALUMNI SULUH BUDIMAN. Pemindaan perlembagaan dan pertukaran nama persatuan adalah bersesuaian dengan keperluan IBU KANDUNG terkini.

PERUTUSAN YANG DIPERTUA PERSATUAN SULUH BUDIMAN Dato'Hj. Mohd Hilmi Hj. Ismail

Assalamualikum w.b.,

Terlebih dahulu saya dan Ahli Jawatankuasa yang dilantik mengucapkan terima kasih

kepada Mesyuarat Agung Ahli-ahli Persatuan Suluh Budiman yang lalu kerana memilih kami bagi

menjalankan tanggungjawab mengelolakan Persatuan Suluh Budiman yang terus hidup. Saya dan Ahli Jawatankuasa, insaf dan sedar pemilihan itu adalah satu tanggungjawab yang perlu dipikul dengan meninsafi bahawa pengorbanan mesti diiringi dengan tanggungjawab tersebut.



Yang Dipertua PSB menyampaikan cenderahati kepada TYT

InsyaaAllah dengan semangat yang terinsaf itu, akan membantu kami berkhidmat bagi memartabatkan IBU KANDUNG dan ANAK-ANAK KANDUNGNYA seterusnya meniti zaman.

BERSAMBUNG...MS 3

USUL BAHASA MELAYU DI IPTS

Mesyuarat Agung Persatuan Suluh Budiman pada 5 Mei 2001 yang lalu telah bersetuju untuk meminta pihak kerajaan terutama Kementerian Pendidikan Malaysia supaya mengkaji semula dasar pelaksanaan Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Permintaan ini dibuat memandangkan statusnya sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan di negara ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Statusnya hanya setakat memenuhi syarat mendapatkan pengiktirafan pihak Kementerian Pendidikan sahaja. Justru itu, ia hanya merupakan salah satu kursus yang wajib diambil oleh pelajar dari luar negara dan pelajar-pelajar Malaysia yang tidak mendapat kredit di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Dengan ini, Persatuan Suluh Budiman meminta pihak Kementerian melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. M e m p e r l u a s k a n penggunaan Bahasa Melayu dengan mewajibkannya bagi sesetengah kursus pengajian IPTS terutama yang berasaskan Malaysia seperti Pengajian Malaysia.
2. Memantau penggunaan Bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar di IPST mengikut piawaian penguasaan yang ditentukan oleh Kementerian.
3. Memastikan IPTS melaksanakan kurikulum Bahasa Melayu dengan berkesan.
4. M e n g g a l a k k a n penggunaan Bahasa Melayu dan aktiviti-aktiviti pelajar serta dalam pengurusan institusi.

SIDANG RIDAKSI

Penaung

Dato'Hj. Mohd Hilmi Hj. Ismail.

Sidang Pengarang

Abd. Aziz Abas
Sidik Baba
Radzuan Abd. Kadir
Abdullah Yusuf
Abu Hassan Abdul
Mashudi Bahari
Dzulkarnain

Teknikal

Hassan Mohd Ghazali
Jamilah Omar
Maria Zulyani

Bendahari

Zamanhuri Chu Muhammed

Pengedaran

Syafie Rejab
Umar Dawi
Jamel Long
Wazata Zin

Sidang Editorial mengalu-
alukan sumbangan dari
kalangan ahli PSB dan
Siswa UPSI untuk keluaran
akan datang.

Definisi Mohd. Qutb mengenai
Pendidikan:

"Satu proses membentuk
manusia secara menyeluruh
dan seimbang bertujuan
memperkembangkan potensi
interlek, fizikal, emosi dan
rohani."

EDITORIAL

IBU KANDUNG SULUH BUDIMAN...

....tiap kali ke sini, semacam ada sesuatu di pekan kecil Tanjung Malim ini, secara langsung mengimbau nostalgia masa lampau - pada 'satu ketika' dalam hidup kita. Bagi saya dan kebanyakan rakan seperjuangan, 'satu ketika' yang dimaksudkan itu tidak lain dari menjadi penghuni kampus "**Ibu Kandung**" sebagai pelajar kolej SITC/MPSI - 1961-1962. Lantas detik-detik gemilang zaman remaja pelajar kolej yang silih berganti tidak putus-putus tenggelam timbul dalam ingatan kita bagaikan riak gelembang air pasang bunganya menaritari di gigi pantai. Semacam ada sesuatu di kampus 'Ibu Kandung Suluh Budiman' ini yang menambat kerelaan kita untuk setia menyanyungnya.

Kini sudah menjangkau 40 tahun saya tinggalkan Ibu Kandung, ketika sesetengah daripada kita sudah di hujung usia, masihkah kita anak kandung Suluh Budiman yang tetap setia terus bertapak dan bertanjak di halamannya bersama rentak langkah pelapis-pelapis yang ada; berbekalkan wawasan bahawa kampus Ibu Kandung Suluh Budiman pasti terus berfungsi sebagai pencetus dan pendorong visi dan misi perjuangan kebangsaan seterusnya.

Saya kemukakan isu ini dalam Mesyuarat Persatuan Suluh Budiman ke 5 tahun 2001 untuk dihujah bersama-sama. saya 'provoke' Sdra. Hilmi Hj. Ismail (Dato') dan Ahli Jawatankuasa, apakah 'Kekeramatan' pada Ibu Kandung Suluh Budiman, maka semua bekas penuntut SITC/MPSI/IPSI 'terpukau' dan 'pasik' pada maktab tua ini. Secara 'consensus' kami berpendapat 'itulah perjuangan hidup kita dalam apa bidangpun yang dipilih... dan perjuangan itu bertitik tolak dari kampus ini'.

Khabarnya 10 Oktober 2001 masa 3 jam diperuntukkan untuk Tun Gafar Baba (Guru dan Pejuang Kemerdekaan, bekas Tim. Perdana Menteri dan Bekas Graduan SITC) di majlis 'Pidato Gafar Baba' sempena Minggu Orentasi pelajar baru UPSI tidak cukup untuk cetusan amanat beliau pada visi dan halatuju UPSI seterusnya.

Tun Rahman Abas, TYT Pulau Pinang (Guru, Ahli Politik, Bekas Graduan SITC - 1960) begitu selesa menerima kunjungan hormat Persatuan Suluh Budiman sempena perlantikan rasmi beliau sebagai TYT awal tahun ini, langsung bersetuju di lantik sebagai Penaung PSB dan bersedia memeriahkan pertandingan Golf Piala Gafar Baba di Bertam anjuran PSB.

Yang Berbahagia Tan Sri Awang Had Salleh - (Guru, Intelek, Profesor Emeratus, bekas graduan SITC) selalu sedia meluangkan masanya untuk berinteraksi dengan AJK PSB... kali terakhir di kediaman beliau di Taman Tun Razak Kuala Lumpur, berbincang serius projek PSB menerbitkan Kertas Ilmiah Sejarah SITC sambil menegok secawan kopi hingga lewat malam, menyebabkan rombongan yang datang dari Tanjung Malim gelisah, kluatir akan tergendala perjalanan pulang.

Itulah hakikatnya.

Baik di mana saja; di majlis-majlis rasmi, majlis-majlis keraian, di mesyuarat-mesyuarat, maupun dipadang goft, apabila bekas graduan Ibu Kandung Suluh Budiman bertemu, 'nastagia' di SITC/MPSI/IPSI tetap menjadi topik perbualan dan gurauan, walaupun masing-masing telah lama meninggalkan kampus.

Persatuan Suluh Budiman sudah lama mengukir sejarah, aktiv berkecimpung sebagai NGO yang menjadi pemangkin pada semangat dan Dasar Pelajaran Kebangsaan; bersuara tegas mendukung visi negara melalui siri-siri KONPEN (Kenvensyen Pendidikan) dan resolusi-resolusi berlas yang diambil dan dikemukakan kepada Kerajaan. Begitu Besar jasa PSB kepada negara. Begitu bermakna peranannya sebagai sebuah alumni.

Tahun 2001 - alaf baru - menampakkan satu 'revival' baru pada PSB. Kenaikkan taraf SITC/MPSI/IPSI dari sebuah kolej ke Universiti (UPSI) adalah satu-satunya kejayaan perjuangan PSB selama ini. PSB terus aktif; secara langsung sebagai pendukung kepada merealisasikan kesenimbangan, kewibawaan, semangat juang dan nilai-nilai peribadi murni dalam misi dan visi '**maktab perguruan**' tertua ini. sebagi pencetus pada pembangunan keilmuan dalam profesion keguruan negara dan pemangkin pada Dasar Pelajar Kebangsaan. Itu hasrat kita.

Tahun 2002 SITC - **Ibu Kandung Suluh Budiman menyambut 80 tahun usianya**. Dalam liku sejarahnya: Ibu Kandung telah melalui titik-titik perjuangan kemerdekaan bangsa dan nusa dari belenggu penjajah. Ibu Kandung adalah satu-satunya kampus induk yang mendidik serta melahirkan Nasionalis Melayu Tanah Air. Semangat mereka terus dibakar bermula dari zaman-zaman pra merdeka dan seterusnya mengisi kemerdekaan. Bermula dari kampus awalnya di Matang Perak dan seterusnya ke kampus SITC Tanjung Malim 1922 dan selanjutnya ke Proton City di awal 'mallanium' baru abad ke 21- Ibu Kandung Suluh Budiman tetap menjadi obor membakar semangat rakyat sebagi 'Suluh kampung matahari bangsa'

selamat ulang tahun ke-80 SITC/MPSI/IPSI/UPSI.
Dirgahyu IBU KANDUNG SULUH BUDIMAN.

Abd. Aziz Abas

Perutusan YDP PSB dari muka satu...

Kini IBU KANDUNG telah melahirkan anaknya - UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI), Tanjong Malim. Kita bangga!. UPSI adalah Universiti DiRaja (Sultan Idris). Tidak ada Universiti lain di Malaysia yang ada nama 'SULTAN' Syabas! Begitu lama dalam kandungan baru lahir. Syukur Alhamdulillah kita! Tidak siapa boleh menafikan bahawa PERSATUAN SULUH BUDIMAN (PSB)-lah yang membelai IBU KANDUNG dengan akhirnya terlahirlah UPSI.

Kini anak yang dikandung telah lahir. Kita serahkan ia kepada penjaganya untuk dididik membesarkan, mendewasakan bagi boleh menabur bakti dan jasa sepertimana SITC, MPSI, IPSI dulu.

Bagi PERSATUAN SULUH BUDIMAN, ia akan melihat, memerhati mengawasi proses pendewasaan itu. VISI SITC itu akan tetap diperhatikan - cuma prosesnya sahaja mungkin mengikut lekuk-liku rentak saman. Terserahlah kepada kita, kita yang mahu, kita yang tuntutan, kita jaga! Jangan kita salahkan orang lain nanti.

Proses zaman tetap berlalu. Begitu juga PERSATUAN SULUH BUDIMAN. Persatuan ini tidak dapat lari dari hakikat ini - mahu tidak mahu suka tidak suka!.

PERSATUAN SULUH BUDIMAN akan menjadi lebih besar yang mendukung SITC, MPSI, IPSI dan UPSI. Proses pengubahsuaian pasti diterima. Jurteru itu pada 6hb Januari 2001 nanti Possible akan mengadakan satu Mesyuarat

Agung Luarbiasa (EGM) di UPSI, Tg. Malim. Tujuannya adalah antara lain:

- i. Menukar nama Possible kepada ALUMNI SULUH BUDIMAN (Persatuan Bekas Graduan SITC,MPSI, SITC, UPSI -Tg. Malim)
- ii. Menerima beberapa pindaan kecil kepada perlembagaan 'Possible' yang sedia ada bersesuaian dengan perubahan ini.

Sekretariat PSB di Tg. Malim akan menghubungi Anak-anak Kandung Suluh Budiman samada ahli PSB atau tidak untuk dijemput ke mesyuarat tersebut. Kami berharap Anak-anak Kandung dapat hadir. Mana-mana yang tidak dapat kami hubungi tolonglah hebah-hebahkan. IsyaAllah kita akan dapat memberitahunya juga melalui media awam. Kalau tidak kita yang menjaga hak kita siapa lagi, jangan mencari salah orang lain nanti.

Tahun 2002 adalah tahun keramat bagi IBU KANDUNG! Genap umur 80 tahun, begitu tua sekali. Apa ertinya jasa IBU sekiranya anak-anak tidak menghargai dan menghormatinya.

Pihak UPSI dan PSB akan mengadakan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 2002 bermula dari bulan Januari hingga ke kemuncaknya pada 29 November 2001 (Tarikh kelahiran SITC). Bagi merayakan ulang tahun ke-80 tahun IBU KANDUNG.

Kami meminta tolong dan kerjasama dari semua Anak Kandung untuk menghubungi Sekreteriat PSB di alamat Bangunan PSB, Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk mengemaskinikan alamat anak-anak kandung bagi tujuan yang tersedia maklum. Tolong hebah-hebahkan. IsyaAllah laman web PSB dan 'Pewarta Suluh Budiman' akan menjadi saluran komunikasi dan interaktif sesama kita nanti..

Kami juga bercadang untuk melawat tiap-tiap negeri selepas Hari Raya Puasa nanti untuk bertemu-ramah dengan anak-anak kandung semua lalu menjemput anak-anak kandung ke Perayaan 80 Tahun IBU KANDUNG. Termasuk lawatan ke Brunei Darussalam dan Singapura. Sekiranya ada di antara anak kandung yang ingin mengambil inisiatif atau menjadi tuan rumah, sila menghubungi Sekretariat PSB.

Di akhirnya pertemuan awal ini, kami sangat-sangat mengharapkan 'response' dari anak-anak kandung semua. Mati hidup segarnya SULUH BUDIMAN ini adalah kita!.

Kami ucapkan Selamat Hari Raya dan Selamat Tahun Baru 2002.

Terima kasih. Wassalam.

Ihklas dari,

Dato'Hj. Mohd Hilmi Hj. Ismail.
Yang DiPertua
Persatuan Suluh Budiman.

Hari – Hari Terakhir Persatuan Suluh Budiman

PSB saat - saat terakhirmu
Perlembagaan dipinda dan dibaca
Persatuan 1922 diakhiri
Putuslah sejarah silam

Hiba , rindu , sedih
Kepergian kau ditangisi tetapi
Kepergian kau direstui
Dengan hasrat baru

Tetapi.....
Kini lahir
Alumni Suluh Budiman
Hasrat baru
Cita – cita baru
Berseri SITC , MPSI , IPSI , UPSI
Tonggak melayu

Cita – cita tinggi
Menjunjung bangsa
Menjunjung agama
Menjunjung negara

6 . 1 . 2002 tarikh
Keramat hari baru
Menukar corak , menukar cita – cita
Menjunjung sejarah bangsa
Bangsa penuh harmoni , cinta setia
Kemajuan semua
Menjurus zaman baru
Menjurus zaman IT

Dzulkarnain

Tg. Malim 26 . 10 . 2001

Sepintas lalu kisah awal Persatuan Suluh Budiman (PSB)

Persatuan Suluh Budiman telah ditubuhkan secara rasmi hampir lima dekad yang lalu dengan nama Persatuan Bekas Pelajar-Pelajar Sultan Idris Training College Tanjong Malim (PBSITC). Sebenarnya persatuan ini telah pun wujud sejak tahun 1930an secara tidak rasmi pada masa diadakan upacara "Reunion" pelajar-pelajar maktab ini yang telah diadakan tiap-tiap lima tahun sekali.

Persatuan ini ditubuhkan di atas inisiatif beberapa orang bekas pelajar, guru-guru dan pensyarah yang berkhidmat di Ibu Kandung. Usaha mereka telah disokong oleh bekas-bekas pelajar yang berada di luar sama ada yang masih menjadi guru atau yang sedang berkhidmat sebagai pegawai-pegawai pelajaran seperti Guru-Guru Pelawat atau Nazir-Nazir Sekolah. Antara mereka ialah Zaba sendiri, Syed Nasir, Harun Amin Mat Nor Ahmad dan beberapa orang bekas pelajar di Brunei. Selain daripada itu Allahyarham Aminuddin Baki iaitu bekas pensyarah maktab ini juga turut menggalakkan penubuhan persatuan ini.

Pada peringkat awalnya persatuan ini diterajui oleh beberapa orang bekas pelajar yang sedang berkhidmat di maktab ini. Mereka dibantu oleh beberapa orang bekas pelajar yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah di sekitar Tanjong Malim, Slim River dan Hulu Selangor. Di samping jawatankuasa utama di Ibu Kandung di peringkat daerah dan negeri juga diwujudkan jawatankuasa kecil sebagai perantara yang mewakili jawatankuasa utama tadi. Fungsi jawatankuasa ini untuk menyampaikan maklumat tentang perkembangan yang berlaku di SITC dan sebaliknya. Di dalam mesyuarat agung persatuan, wakil-wakil daerah dan negeri tadi turut hadir.

Antara peneraju persatuan ini pada peringkat awalnya ialah Allahyarham Wahi Long yang pernah menjadi Setiausaha sementara (penaja) yang menggerakkan usaha penubuhannya. Sebaik saja ia ditubuhkan beliau telah menjadi Setiausaha pertamanya dalam tahun 1958. Beliau juga pernah menjadi Pengerusinya buat beberapa tahun. Selain daripada Wahi Long bekas pelajar yang bergiat menggerakkan persatuan ini pada sekitar tahun 60 an ialah cikgu Rahim Darus yang pada masa ini mengajar di Ibu Kandung.

Selain daripada nama-nama tadi Allahyarham cikgu Haji Husain Guru Besar Sekolah Latihan Tanjong Malim juga dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa. Cikgu Ahmad Wahab, cikgu Arshad Ghafar cikgu Ghafar Bumbun juga turut menganggotai jawatankuasa persatuan ini. Selain daripada itu pensyarah-pensyarah yang bukan bekas pelajar tetapi berkhidmat di Ibu Kandung juga turut dipilih menjadi ahli jawatankuasa persatuan ini. Antara mereka yang pernah dipilih ialah Mustafa Kimin dan Yusoff Tajudin. Entah atas kapasiti apa mereka dipilih tidaklah diketahui tetapi mungkin kerana mereka adalah tenaga pengajar yang dapat dianggap ahli bersekutu. Perkara ini tidak dapat ditentukan kerana tidak banyak dokumen tentangnya yang boleh dijadikan pegangan.

Matlamat persatuan ini ditubuhkan ialah untuk tujuan sosial iaitu sebagai badan atau jambatan bagi menghubungkan silaturrahim antara bekas-bekas pelajar maktab ini yang berkhidmat di ceruk rantau tanah air. Menerusi persatuan ini mereka dapat berkumpul sekali sekala pada masa mesyuarat agung tahunan. Selain daripada itu AJK persatuan ini juga kadangkala turut mengunjungi ahli-ahli di daerah-daerah untuk bertanya khabar serta mendapat maklumat tentang tugas dan tanggungjawab serta nasib bekas-bekas pelajar yang sedang bertugas.

Persatuan ini pada awal penubuhannya telah turut memberikan pandangan dan fikiran dalam memantapkan dasar pelajaran negara yang membawa kepada temeterinya Penyata Rahman Talib 1961. Persatuan ini juga banyak menyokong dasar bahasa kebangsaan pada ketika itu. Ia juga menyokong perjuangan kesatuan guru Melayu untuk memertabatkan bahasa kebangsaan.

Selain daripada itu persatuan ini juga sentiasa membantu Ibu Kandung melaksanakan aktiviti P&P dan memperjuangkan status dan taraf maktab-maktab perguruan di Tanah Melayu pada ketika itu. Namun begitu aktiviti persatuan ini lebih banyak dibuat di belakang tabir saja kerana ia adalah sebuah persatuan dan bukan kesatuan. Lama kelamaan persatuan ini semakin kurang mendapat sambutan daripada oleh ahli baru keluaran MPSI. Mereka mungkin lebih berminat menganggotai kesatuan guru yang boleh memperjuangkan nasib mereka. Walaupun ada juga ahli yang menyifatkan persatuan ini sebagai pertubuhan sosial semata-mata namun sumbangannya tetap unggul menerusi usaha-usaha tokohnya yang terkenal seperti "Syed Nasir Ismail dan Aminudin Baki selaku penasihat. Ramai juga ahlinya yang bergiat menerusi polotik yang dapat meneroka dasar kerajaan.

Entah bagaimana pada akhir-akhir tahun 60 an dan di awal tahun 70an persatuan ini semakin malap mengalami masalah kemiskinan dan kewangan. Ia kelihatan terbiar begitu sahaja hinggalah ia tidak berupaya mengadakan mesyuarat agung tahunan buat beberapa tahun. Ini menyebabkan pihak Pendaftaran Pertubuhan terpaksa beberapa kali memberi peringatan. Dalam tahun 1970 pendaftaran persatuan terpaksa digantung dan akhirnya dibatalkan.

Dengan ini segala fail dan serba sedikit harta persatuan yang ada pada ketika itu telah diserahkan kepada pihak kerajaan.

Pertengahan tahun 1972 satu lagi detik penting yang merupakan "Tahun Pemisah" dalam sejarah persatuan ini. Dengan inisiatif beberapa orang ahli iaitu Almarhum Sdr Zainuddin Ismail, Harun Bakar, Ashar Abas dan lain-lain, persatuan bekas pelajar ini telah dihidup dan digerakkan semula dengan kebenaran Pendaftar Pertubuhan Negeri Perak.

Walau bagaimanapun nama persatuan ini terpaksa dipinda bagi menunjukkan yang persatuan ini tidak ada hubungan dengan persatuan sebelumnya dinamakan Persatuan Bekas

Pelajar SITC (1972) .Dengan nama baru ini ia telah bergerak semula namun begitu setelah bergerak beberapa waktu penyakit lamanya iaitu masalah bekas pelajar yang berminat untuk menjadi ahli masih dingin. Pemimpinnya masih banyak dipegang oleh bekas pelajar era SITC dan MPSI yang berada di sekitar Tg. Malim, Slim dan Hulu Selangor sahaja. Masalah kewangan juga terus menghantuinya .Pemimpin baru mulai lemah semangat ada antara mereka yang terus meniggalkan persatuan ini kepada beberapa pemimpinnya sahaja .

Antara mereka yang memegang jawatan pada ketika ini ialah Zainudin Ismail selaku pengerusi ,Ashar Abas , Harun Bakar , Sofian Jaafar , Saad Khalid , Manaf Jaafar , Yusuf Saad dan lain – lain. Dengan ketokohan yang ada di samping kewangan yang tidak seberapa, persatuan ini di sifatkan selimut singkat ditarik ke atas terbuka kaki ditarik ke bawah terdedah kepala .Ia tidak akan sampai ke mana – mana .Hidupnya segan mati tak mahu . Dalam keadaan begini penghormatan dan sambutan bekas pelajar tidak lagi mudah diperolehi. Bagaimanakah ia dapat berbakti kepada ahli dan negara jika persatuan ini terus lemah dan tidak dihargai.

Dalam keadaan begini tercetus berbagai fikiran dan pendapat daripada AJK sendiri tentang cara hendak meneruskan riwayat persatuan ini . Ada AJK yang mahu terus membiarkan persatuan ini mati kali kedua sahaja. Pendapat ini tidak dipersetujui kerana mereka telah berpenat lelah menghidupkannya semula. Antara pendapat itu ada yang positif dikemukakan untuk menggerakkan persatuan ini. Ia perlu ditadbirkan oleh bekas – bekas pelajar yang lebih kerana pelajar wibawa dan ternama di seluruh negara . Tidak mengapalah , walaupun dengan itu ibu pejabatnya terpaksa dipindah ke tempat lain. Pendapat ini telah diterima . Lalu mereka berihktiar menghubungi bekas - bekas pelajar yang berada di Ibu Negara . Antara mereka yang dihubungi ialah Sdr Awang Had Salleh yang pada ketika itu bertugas sebagai Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya Kuala Lumpur. Seorang lagi bekas pelajar yang turut dihubungi ialah Sdr Atan Long yang sedang berkhidmat di Fakulti Pendidikan Universit Malaya. Selain daripada mereka ramai lagi bekas pelajar yang sedang berkhidmat dengan kementerian Pelajaran seperti Yusuf Maarus, Hassan Zahid, Hassan Ali, Ismail Awang dan Hilmi Ismail turut dihubungi Manakala di Dewan Bahasa dan Pustaka Mohd Nor Azman , Saleh Daud juga dirundingi. Wan Mansor, Wan Dewa, Rahman Saleh, Hanafiah Sudin dan Kamarudin Husin turut dihubungi .

Reaksi yang diberi amat memberangsangkan. Bagi memenuhi hasrat ini Sdr Awang Had Salleh sudi menerima rombongan kecil wakil AJK persatuan dari Tg. Malim bertemu dan berbincang dengan beliau di rumahnya di Petaling Jaya . Yang hadir bagi mewakili persatuan dalam pertemuan itu ialah Sdr Zainuddin Ismail, Harun Bakar, Yusuf Saad, Ashar Abas, Saad Khalid dan Radzuan . Manakala yang turut bersama Sdr Awang Had Salleh pada ketika itu Rahman Salleh, Yusuf Maarus, Saleh Daud, Hassan Zahid dan lain – lain .

Dalam pertemuan itu persetujuan telah dicapai, iaitu Sdr Awang Had Salleh dan rakan – rakan di Kuala Lumpur berminat untuk menerajui persatuan dengan syarat ibu pejabatnya dipindahkan ke ibu negara . Selain daripada itu mesyuarat perlu diadakan bagi memilih AJK baru . Kebetulan pada ketika itu masa untuk mesyuarat agung persatuan telah pun sampai. Mesyuarat agung itu diputuskan akan diadakan di MPSI kerana pada ketika itu ramai ahlinya berada di Tg. Malim. Kalau tidak salah ingatan saya mesyuarat agung telah diadakan dalam bulan Julai /Ogos bertempat di perpustakaan Dussek di MPSI. Di dalam mesyuarat agung tersebut Sdr Awang Had

Salleh telah dipilih sebagai Yang Dipertua , Sdr Atan Long Timbalan YDP Sdr Hassan Zahid sebagai SU dan Allahyarham Yusuf Maarus diamanahkan sebagai Bendahari .

Satu lagi keputusan yang dibuat pada mesyuarat tersebut ialah untuk menukar nama persatuan ini kepada nama lain yang lebih dapat menggambarkan hala tuju perjuangan serta sejarah Ibu Kandung .Ia tidak harus sama seperti nama persatuan bekas – bekas pelajar institut pengajian yang lain. Namun begitu dalam mesyuarat tersebut tidak diputuskan namanya itu hingalah dalam mesyuarat agung tahun 1975, apabila nama “Persatuan Suluh Budiman” ringkasnya PASINBA diterima sebulat suara . Dengan kepimpinan baru ini dan peralihan pusat pentadbirannya PSB menempuh era baru maju tahun demi tahun.

Dengan ini persatuan bekas pelajar SITC memasuki era baru menjadi sebuah persatuan bekas guru anak didik SITC yang terkenal. Aktiviti pertama setelah mesyuarat agung itu ialah berkerjasama dengan MPSI mengadakan Hari Penyampaian Sijilnya yang pertama dalam Nov. 1974 . Sijil – sijil telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Musa Ibni Almarhum Raja Abdul Aziz iaitu Raja Muda Perak pada ketika itu. Di dalam majlis itu Sdr. Awang Had Salleh selaku YDP dan Atan Long sebagai TYDP telah diberi kesempatan berucap . Dalam ucapannya Sdr Awang Had Salleh mencadangkan dibina Muzium SITC bagi penerusan projek Muzium kecil yang pernah diadakan di sini sebelum itu .

Hari demi hari selepas itu persatuan terus maju dan berkembang yang menyebabkan ia terkenal di seluruh negara dengan aktiviti utamanya iaitu konvokesyen Pendidikan (KONPEN) yang diadakan tiap – tiap tahun .Hingga kini telah diadakan sebanyak dua belas kali konpen di seluruh negara. Nama PSB terkenal dan peranannya diiktiraf oleh kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan. Dengan ini PSB sentiasa dirundingi oleh Kementerian Pendidikan khususnya apabila sesuatu dasar atau falsafah pendidikan hendaklah digubal.

Sejak daripada tarikh itu PSB terus dipimpin oleh Sdr Awang Had Salleh selaku YDP, silih berganti dengan Sdr Mohd Hilmi . Manakala Hassan Zahid dulunya SU diganti oleh Sdr Saleh Daud hingalah beliau enggan dicalonkan semula dalam Mesyuarat Agung yang terakhir . Manakala Bendaharinya pula dipegang oleh Yusuf Maarus hingga beliau meninggal dunia di Mekah . Beliau diganti oleh Umar Baba kemudiannya oleh Rahman Saleh dan kini dipegang oleh Sdr Zamanhuri Chu Muhammed .

Seperti biasa tiap - tiap persatuan ada pasang surutnya. Begitu juga PSB yang pernah memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan negara Pernah sekali lagi mengalami zaman melesetnya . Namun ia terus hidup ibarat patah sayap bertongkat paruh . Pada 6/01/02 ini Insyallah PSB akan memasuki era baru apabila ia akan berubah nama kepada Alumni Suluh Budiman UPSI untuk memberi ruang kepada generasi lepasan UPSI tanpa mengira kaum dan bangsa menganggotainya

Marilah kita berdoa agar dengan tertubuhnya Alumni Suluh Budiman UPSI nanti, persatuan ini akan terus maju dan berkembang selaras dengan membesarnya UPSI . Namun begitu kita tidak harus melupakan jasa bakti mereka yang telah menghidupkan PSB hingga ke hari ini . Satu anugerah tokoh harus diberikan kepada bekas pemimpinnya yang telah banyak berjasa kepada persatuan ini . Pemimpin silih berganti namun matlamatnya masih sama iaitu berkhidmat untuk Ibu Kandung dan negara . Kepada bakal peneraju alumni kita ucapkan syabas dan tahniah .

BERITA SEPINTAS LALU....

Persatuan telah mengadakan mesyuarat agung kali ke dua puluh duanya pada 5hb. Mei 2001 yang lalu di Bilik 11 Bangunan Canselori (BC). Seramai lebih kurang enam puluh orang ahli hadir. Mesyuarat dirasmikan dan seterusnya dipengerusi oleh Sdr. Tan Sri Awang Had Salleh yang juga Yang Dipertua PSB ketika itu.



Ahli PSB mendaftar Mesyuarat Agung

Antara resolusi mesyuarat itu Sdr. Dato' Mohd Hilmi Hj. Ismail terpilih selaku YDP bagi menggantikan sdr. Tan Sri Awang Had Salleh yang telah menarik daripada dicalonkan. Selain daripada itu Sdr. Dr. Sidik Baba telah diamanahkan jawatan Timbalan YDP. Turut menarik diri daripada dicalonkan semula sdr. Haji Saleh Daud sebagai Setiausaha lalu dipilih sdr. Haji Radzuan Abdul Kadir mengambil alih jawatan itu. Sementara sdr. Haji Zamanhuri Chu Muhammed pula menggantikan sdr. Haji Abdul Rahman Salleh selaku Bendahari PSB. Nampaknya ahli-ahli yang terpilih merupakan gandingan lama dan baru dengan ini urusetia PSB yang selama hampir tiga dekad berada di Kuala Lumpur kini berpindah semula ke Tanjong Malim. Urusetia PSB kini bertempat di Rumah Persatuan Suluh Budiman iaitu di sebuah rumah

kayu di tepi jalan ke Slim River. Rumah ini yang pada suatu masa dulu rumah pensyarah SITC, hanya satu saja lagi rumah kayu warisan SITC yang masih ada di sekitar kampus UPSI kini.

Mesyuarat hari itu juga melantik Sdr. Tan Sri Awang Had Salleh sebagai penasihat PSB. Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Haji Abdul Rahman Abbas, iaitu Gabenor Pulau Pinang yang baru dilantik ketika itu, dilantik sebagai Penaung PSB. Bagi menyebarkan watak perlantikan ini ahli jawatankuasa telah mengadakan kunjungan hormat ke kediaman TYT pada 30hb. Mei 2001, kami disambut mesra oleh TYT dan isteri.

Hingga kini PSB telah mengadakan sebanyak tujuh kali mesyuarat AJK bertempat di Bilik Mesyuarat Utama (BMU) UPSI dan juga di Rumah Persatuan. Hasil daripada mesyuarat-mesyuarat tersebut beberapa projek telah dirancang bagi dilaksanakan sepanjang tempoh beberapa tahun mendatang.

Antara projek-projek yang dirancang itu ialah Pertandingan Golf Piala Ghafar Baba pada 30. Sept. 2001. Pertandingan ini bertempat Bertam Country Resort Kepala Batas. Ia mendapat sambutan yang agak baik daripada peminat golf dan daripada beberapa orang ahli PSB sendiri. Pertandingan ini telah menyumbangkan beberapa ribu RM ke dalam tabung PSB. InsyaAllah aktiviti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan itu sdr. YDP turut menyumbangkan sebuah piala bagi sayembara golf tahunan pensyarah dan kakitangan UPSI sendiri. Pertandingan kali pertama telah pun diadakan di Serendah Golf Resort baru-baru ini.

Sebenarnya banyak lagi aktiviti persatuan telah dirancang tetapi setakat ini ada aktiviti yang sedang dalam pelaksanaan dan ada yang baru saja bermula dan ada juga yang masih dalam perancangan dan akan dijalankan awal tahun 2002.

Skima Insurans Guru iaitu insurans hospital bagi guru adalah antara aktiviti yang akan dilancarkan tahun hadapan. Skim ini ditubuhkan dengan kerjasama Syarikat Takaful Nasional Malaysia. Peraturan dan undang-undang tentang skim ini telah pun siap digubal. Cuma menunggu masa dan ketikanya saja apabila genap bilangan lima ribu orang guru menyertainya ia akan dilancarkan. Kemungkinannya mereka yang menjadi ahli PSB akan mendapat beberapa keistimewaan di bawah skim ini nanti.

Konvensyen Pendidikan (KONPEN) yang pernah menjadi aktiviti tahunan PSB bertahun-tahun yang lalu tetapi terpaksa diberhentikan buat beberapa tahun akan disambung semula dengan konpen 13 dalam tahun 2002. Ia akan menjadi salah satu daripada acara sambutan 80 tahun SITC –UPSI bagi tahun ini. Konpen pada kali ini mungkin diadakan dalam bulan September. Segala persiapan sedang dilaksanakan oleh jawatankuasa berkenaan. Sebuah



YDP Sdr. Awang Had Salleh mempengerusikan mesyuarat Agung PSB kali Ke 20

CD Rom tentang konpen – konpen yang lalu iaitu konpen satu hingga konpen dua belas akan dihasilkan dengan kerjasama sdr. Zuber Zain iaitu pengurus Syarikat Amal Master Kuala Lumpur Di dalam bidang penerbitan pula PSB sedang bekerjasama dengan pihak UPSI bagi menyusun dan menerbitkan sebuah dokumen sejarah SITC - UPSI berbentuk buku copy table yang memuatkan peristiwa sejarah menerusi gambar-gambar yang tersimpan di muzium yang disimpan dan oleh orang perseorangan. Buku ini dijadualkan berada di pasaran lewat tahun ini. Sdr. Aziz Abbas diamanahkan sebagai Ketua Editor. Sehubungan itu Syarikat Amal Master juga bersetuju menerbitkan sejarah SITC - UPSI menerusi CD Rom. Pada ketika ini master copynya sudah pun siap dan sedang disunting serta ditambah dengan beberapa data dan fakta bagi menjadikan karya ini satu – satunya yang terbaik.

Memandangkan SITC, MPSI dan IPSI sudah tidak lagi wujud ini bermakna akan tiba masanya PSB sendiri akan pupus kerana tiada lagi bekas pelajar yang akan menjadi ahlinya maka sebelum tibanya masa itu maka wajar pihak AJK memikirkan langkah-langkah bagi menghadapinya. Salah satu daripada langkah tersebut ialah menjalin bekerjasama dengan UPSI menubuhkan alumni SITC-UPSI. Langkah ke arah penubuhannya sedang dibuat.

Pada masa ini persetujuan telah pun dicapai antara PSB dengan UPSI bagi menubuhkan ALUMNI SULUH BUDIMAN UPSI. Pihak Lembaga UPSI telah pun memutuskan alumni yang akan ditubuhkan itu nanti boleh mengguna pakai pendaftaran PSB. Dengan ini kelewatan untuk memohon kebenaran khas penubuhan alumni itu tidak perlu dibuat. Yang perlu dilakukan ialah PSB perlu memohon kebenaran daripada pihak pendaftar pertubuhan meninda perlembagaannya. Bagi meminda perlembagaannya PSB akan mengadakan Mesyuarat

Agung Tergempar yang dijadualkan pada 6hb. Januari 2002 nanti



Watikah Perlantikan Penaung Persatuan Suluh Budiman kepada TYT Pualuan Pinang

Semua persiapan bagi mengadakan mesyuarat ini telah pun siap diatur.

Oleh itu semua ahli persatuan diminta hadir agar menjadikan mesyuarat ini sah lagi bermakna. Buat masa ini biro keahlian PSB di bawah kelolaan sdr. Dr. Sidik Baba sedang berusaha mengemaskinikan daftar ahli persatuan agar mudah untuk diserap menjadi ahli alumni nanti.

Dalam usaha mengemaskini pendaftaran ini beberapa orang AJK akan berkunjung ke daerah-

darah dan negeri menemui ahli-ahli yang dapat dihubungi bagi mengenalpasti sama ada nama ahli yang terdapat dalam daftar sedia ada masih aktif atau sebaliknya. InsyaAllah kita juga akan ke Singapura dan Brunei Darusalam

Akhir sekali PSB sebelum bertukar menjadi Alumni Suluh Budiman UPSI akan menerbitkan sebuah buletin yang bernama Buletin Suluh Budiman.

Warta Suluh Budiman ini akan terbit sekali dalam tiap-tiap tiga bulan (triwulanan). Warta ini akan memuatkan berita-berita dan berita-berita UPSI yang relevan kepada ahli alumni. Bagi mengeratkan silaturrahim antara alumni dengan ahlinya, buletin ini akan menyediakan ruangan "ahli di sana-sini". Selain daripada itu buletin juga akan memuatkan makalah akademik, yang pendek tentang pendidikan dan lain - lain untuk pengetahuan ahli.

Untuk itu pihak redaksi juga sedia menerima berita dan perkhabaran daripada mana juga ahli yang mahu menyumbang demi penerusan usia buletin ini.

Cintai Ibu Kandung

Daripada: Setiausaha



Rombongan Ahli jawatankuasa PSB menziarahi TYT Pulau Pinang (Bekas Graduan SITC)

Mengenal Perubatan HOMOEOPATI Malaysia

Oleh Dr. Hj. Dzulkarnain b. Hj. A. Rahman

* Homoeopati adalah satu lagi jenis perubatan yang menjadi alternatif kepada gaya perubatan yang sedia kita kenali. Falsafahnya ialah penawar membunuh kuman bukannya kuman membunuh kuman

* Akhir – akhir ini perubatan jenis ini semakin banyak diamalkan di Malaysia tidak terkecuali juga guru dan bekas guru turut menuntut ilmu perubatan ini yang melayakkan mereka bergelar “Dr.”. Dan pada ketika ini ramai ahli persatuan ini yang telah bergelar “Dr”.

1. Apakah perubatan Homoeopati?

Homoeopati ialah satu sistem perubatan moden yang diasaskan oleh Prof. Dr. Shahnemann berbangsa Jerman dalam tahun 1784. Perubatan ini merupakan Alternatif iaitu perubatan yang boleh dipilih oleh pesakit untuk kesembuhan penyakit.

2. Bagaimana cara pengobatannya?

Cara mengubat pesakit dengan mengenalpasti simptom pesakit atau dengan kata lain dengan mengenalpasti gejala pesakit daripada punca sakit atau ibu penyakit

3. Apakah bahan ubatannya

Bahan – bahan ubatan terdiri daripada tumbuh – tumbuhan, bahan galian, binatang dan lain – lain. Kebanyakan bahannya daripada tumbuhan kira – kira 60 %, 30 % daripada bahan galian serta bahan binatang dan 10% bahan – bahan lain

4. Mengapa Perubatan homoeopati tidak ada kesan sampingan ?

Semua ubat Homoeopati telah dipontensikan. Ubat Homoeopati hanya tinggal energinya sahaja untuk menentang penyakit :

Potensi 1 x bererti 1 : 10

2 x bererti 1 : 100

Fomula Nc (N= potensi, c = bahan ibu ialah sama ada x (Amerika) atau c (British) contohnya 6 bererti 1 : 1,000,000, 30 1 : 1,000,000,000,000,000,000,000,000,000.

5. Bila Pengalaman Homoeopati bermula di Malaysia ?

Pengasasnya ialah Prof. Dr. Burhanuddin Al Helmy pada tahun 1983 di Johor Baharu. Hanya pada tahun 1954 Homoeopati baru berkembang di Kuala Lumpur di kelolakan oleh Prof. Dr. Haji Mohd. Nor. Nordin dan Dr. Md. Dali

6. Bagaimana perkembangan Homoeopati kini ?

Kini terdapat beberapa kumpulan Perubatan Homoeopati di Malaysia, antaranya ialah :

- i. Kumpula Prof. Dr. Nik Omar b. Nik Daud iaitu di Kota Baharu dan di Kuala Lumpur.
- ii. Kumpulan Prof. Dr. Mugeni Samerin di Teluk Intan dan Ipoh
- iii. Kumpulan Dr. K. Marthiya di Alor Setar
- iv. Kumpulan Kuala Terengganu
- v. Kumpulan Melaka
- vi. Kumpulan Johor

7. Apakah ubat atau penawar Homoeopati yang amat berkesan?

- i. Ubat senang bersalin

ii. Ubat Cerdas Intelek

iii. Asthma

iv. Gout

v. Darah Tinggi

Dan banyak penawar yang lain

8. Apakah kelebihan perubatan Homoeopati ?

Kelebihan utamanya mengubati pesakit keseluruhan penyakit yang ditanggungnya dengan mengikis akar dan punca timbulnya penyakit tersebut

9. Apakah konsep utama Homoeopati?

Menurut konsep Homoeopati setiap insan telah ada kuasa hayat atau ketahanan semulajadi sebagai Sunnatullah yang telah dicipta oleh Allah S.W.T (Bagi Homoeopati barat mengatakan Alam Semulajadi). Apabila kuasa hayat seseorang lemah, ketika ini insan terdedah kepada penyakit. Oleh itu Homoeopati berusaha mengubati pesakit dengan memulihkan kuasa hayat pesakit. Pengubatan dengan melakukan pembedahan adalah tidak diperlukan. Intisari prinsip Homoeopati antaranya ialah :

- i. Hukum Serasi : Remedi sesuai dengan idapan pesakit
- ii. Hukum Pembuktian : simptom pesakit adalah menentukan ubat yang sesuai.
- iii. Hukum Dos Kecil : dengan dos kecil tidak mendatangkan kesan sampingan kepada pesakit.
- iv. Hukum Arah Kesembuhan: sistem penyembuhan memusnahkan penyakit ke akar umbi
- v. Hukum Kuasa Hayat : Setiap manusia mempunyai ketahanan diri semulajadi (Sunatullah)